

**SIARAN MEDIA**
Untuk Siaran Segera**MSM PRAI RAIKAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA 2023
DENGAN PELBAGAI AKTIVITI ESG SELAMA SEMINGGU**

Sebanyak 1,850 pokok bakau telah ditanam oleh MSM Prai sejak 2021

SEBERANG PRAI, 23 OKTOBER 2023 – Sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2023, MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), melalui anak syarikat milik penuhnya MSM Prai Berhad (MSM Prai), mengulangi komitmennya terhadap inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. Komitmen ini ditunjukkan dengan penganjuran Minggu Alam Sekitar, yang merangkumi pelbagai aktiviti berkaitan ESG di kilang penapisannya di Prai, Pulau Pinang.

Program ini dimulakan dengan pelancaran rasmi penanaman sejumlah 150 pokok bakau di Sungai Prai, berhampiran kilang penapisan MSM Prai. Program penanaman pokok bakau ini merupakan kerjasama strategik dengan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JAS) dan Persatuan Kebajikan Nelayan Pesisir Pulau Pinang (PIFWA). Ia merupakan usaha berterusan yang bermula pada tahun 2021, di mana 700 anak pokok bakau berjaya ditanam berhampiran kilang penapisan MSM Prai. Pada 2022, tambahan sebanyak 1,000 anak pokok bakau, termasuk 200 di Pusat Pendidikan Kecil Bakau dan lain-lain di kawasan khusus di Pulau Pinang, telah ditanam secara berperingkat.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata “Di MSM, kami menyeimbangkan kemampanan dalam semua aktiviti perniagaan kami, termasuk di MSM Prai yang terletak berhampiran dengan Sungai Prai. Daripada ekonomi kitaran dalam pengurusan sisa kepada Penyelesaian Berasaskan Alam Semula Jadi (Nature-based Solutions), impak sosial yang positif dan tadbir urus yang kukuh, kemampanan adalah kunci kepada keuntungan dan pertumbuhan. Untuk ESG kami melangkui pematuhan peraturan untuk meletakkannya dalam DNA korporat kami”.

Minggu Alam Sekitar tersebut telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Seberang Perai, YBhg Dato' Azhar bin Haji Arshad bersama Ketua Operasi MSM Prai, En Cheah Poh Lye dan Pengarah JAS Pulau Pinang, Tuan Norazizi bin Adinan. Turut hadir pada majlis itu ialah Presiden PIFWA, Ilias Shafie, dan pengurusan kanan Kumpulan MSM, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan JAS.



Antara aktiviti yang dirancang untuk Minggu Alam Sekitar ialah Pembentangan Projek IETS oleh Asmawy Bin Ariffin, Ketua Kejuruteraan MSM Prai Berhad, Taklimat Ekologi dan Ekosistem Bakau oleh Dr Foong Swee Yeok dari Universiti Sains Malaysia, Ceramah Keperluan Industri Dalam Memulihara Alam Sekitar oleh Aminurddin Bin Ahmad dari Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), PPE dan Penggunaan Kit Tumpahan bagi Menguruskan Tumpahan oleh SH Tan dari Vibracon Sdn Bhd, Ceramah berkaitan Kesedaran Pencemaran dan Kesan Kepada Alam Sekitar oleh Nur Hisaam Bin Sulaiman dari JAS, Ceramah Kepentingan Kitar Semula dan Bengkel UPCYCLE oleh Fatin Habsah Ahmad dan Azizul Abdul Rahim dari MBSP, Pameran dan Ceramah Pengurusan Tumpahan Minyak, Bahan Kimia, Merkuri dan Cara-cara Mengendalikan Tumpahan oleh Zulihuairi Abdul Rahman dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

MSM Prai juga menggalakkan petugasnya untuk membawa 2kg sisa yang boleh dikitar semula, seperti botol, plastik, kertas, dan aluminium, serta e-waste, termasuk kabel, wayar, televisyen, pencetak dan komputer untuk menjayakan lagi program ini. Bagi memastikan sebarang isu berkaitan ESG dan kemampanan dalam Kumpulan MSM ditangani dengan sewajarnya, MSM mengalu-alukan mana-mana pihak berkaitan, pihak berkepentingan dalaman dan luaran untuk mengemukakan isu tersebut di esq@msmsugar.com.

-TAMAT-



Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2022, MSM mengeluarkan sebanyak 946,834 tan gula bertapis, di mana 230,903 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM598 juta setakat 30 Disember 2022. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehingga ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

Untuk pertanyaan media sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 158
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Syahidah Ismail
+603 2181 5018 ext. 154
+6019 225 9705
syahidah.i@msmsugar.com